

[Home](#)

PLUS NAMAKAN DATUK NIK AIRINA SEBAGAI PENGARAH URUSAN BAHARU



PLUS Malaysia Berhad (PLUS) telah melantik Datuk Nik Airina Nik Jaffar sebagai Pengarah Urusan yang baharu berkuat kuasa pada 1 Mei 2023.

Datuk Nik Airina tidak lagi asing di dalam industri lebuh raya dan PLUS, kerana sebelum ini beliau pernah berkhidmat dengan syarikat ini selama sepuluh (10) tahun dari 2001 sebelum dilantik sebagai Pengarah Operasi pada 2006. Pada 2010, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Opus Group dan kini merupakan Pengarah Urusan UEM Builders Berhad serta Pengarah Projek Khas & Kewangan Korporat di UEM Group Berhad. Datuk Nik Airina mempunyai pengalaman luas melebihi 30 tahun dalam industri infrastruktur



pengangkutan dan kesihatan, setelah terlibat dalam pembangunan, pelaksanaan dan operasi projek infrastruktur utama di rantau ini. Beberapa projek utama yang pernah diceburinya termasuklah Lebuhraya Utara-Selatan, Lebuhraya Pan Borneo Sabah, Projek Sambungan LRT dan Lebuhraya Cikopo-Palimanan di Indonesia.

"Memandangkan pengalaman luas Nik Airina dalam menerajui pelbagai perniagaan dan kepakaran dalam operasi rangkaian lebuh raya dan pengurusan aset serta kedudukan dalam industri, kami yakin beliau akan terus mengemudi PLUS dalam mencapai matlamat dan objektifnya. Antaranya adalah untuk memastikan kelestarian perniagaan jangka panjang, pengurusan pihak berkepentingan strategik dan operasi dan tahap perkhidmatan yang cekap untuk pengguna kami," kata Pengurus PLUS, Dato' Mohamad Nasir Ab. Latif.

Datuk Nik Airina memegang Ijazah Sarjana dalam Kejuruteraan Awam dari University of Miami, Florida dan kini menganggotai Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

